



## **Jillian Ooi, Ph.D.**

Jawatan: Pensyarah kanan

Institusi: Universiti Malaya

Negara: Malaysia

E-mel: jillian\_03@um.edu.my

Laman Web: <http://teamseahabitats.weebly.com/jillian-ooi.html>

Tahun anugerah: 2022

### **Pemecutan pertumbuhan akar rumput laut untuk menambah baik pemulihan habitat marin**

Usaha untuk memulihkan padang rumput laut telah menjadi semakin biasa sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana para penyelidik dan komuniti pinggir laut telah mengiktiraf kepentingan tumbuhan marin ini untuk melindungi garis pesisir, meningkatkan kualiti air, menyediakan kawasan asuhan untuk ikan dan kerang-kerangan serta persekuesteran karbon. Di Asia Tenggara, sebuah titik panas global untuk kepelbagaian rumput laut, aktiviti manusia telah mendorong kehilangan pesat habitat ini. Tambahan pula, banyak projek pemulihan telah gagal disebabkan masalah semasa pindahan untuk menambatkan rumput laut ke dasar laut bagi membolehkan pertumbuhan akar yang sihat.

Jillian Ooi akan menggabungkan penyelidikan lapangan dan eksperimen untuk mengenal pasti keadaan optimum bagi menggalakkan pertumbuhan akar rumput laut dalam pelbagai persekitaran marin dan meningkatkan keberkesanan amalan pemulihan rumput laut. Bekerja dengan komuniti pinggir laut tempatan, Ooi dan komuniti akan bersama-sama membangunkan kaedah untuk menambatkan rumput laut dengan berkesan semasa pindahan, dengan menggabungkan pengetahuan ekologi tradisional dan bahan tempatan yang senang didapati seperti buluh dan cangkerang. Beliau juga akan bekerjasama dengan ahli komuniti untuk membangunkan suatu strategi komunikasi multimedia yang menekankan kepentingan budaya dan ekologi ekosistem rumput laut.

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang Ooi, baca [biografi](#) beliau.

[Lihat senarai penuh felow marin Pew 2022.](#)

KATA KUNCI FELOW

rumput laut, pemulihan, komuniti pinggir laut, Malaysia